



GIATMARA MALAYSIA

PKUD	MODUL	INTERNET	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 1/15

KANDUNGAN

BIL	TAJUK	MUKA SURAT
1	Kandungan	1
2	Objektif Pembelajaran	2
3	Pengenalan Kepada Internet	3
4	Penggunaan Web Browser	4
5	Membuat Pencarian Maklumat	6
6	Membuat Pendaftaran Email Peribadi	10
7	Memeriksa Inbox	13
8	Menghantar Email	13
9	Menghantar Fail Kepilan	14
10	Memadam Mesej	15



GIATMARA MALAYSIA

PKUD	MODUL	INTERNET	KOD :-
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 2/15

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

Selepas daripada menjalani modul ini, para peserta/pelatih kursus boleh melayari internet serta menggunakannya sebagai sebuah sumber pencarian maklumat yang berguna dan email sebagai sebuah kaedah komunikasi.



PKUD	MODUL	INTERNET	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 3/15

PENGENALAN KEPADA INTERNET

Internet merupakan sebuah sistem jaringan komputer yang berhubung diantara satu sama lain di seluruh dunia, menerusi alat-alat komunikasi dan media-media seperti kabel, talian telefon, modem dan juga penggunaan satelit. Semenjak kewujudan sehingga kini, ia telah digunakan secara meluas yang mana ianya telah digunakan untuk menghubungkan beribu-ribu laman web berunsurkan perniagaan, jabatan kerajaan, institusi pendidikan dan tidak kurang juga laman-laman web orang perseorangan. Kesemua laman web ini mempersembahkan kepada pengguna seluruh dunia produk-produk keluaran syarikat masing-masing, perkhidmatan dan juga maklumat-maklumat untuk dihebah kepada umum, melalui sistem jaringan yang unik ini.

Dizaman yang serba moden ini, adalah dianggarkan lebih daripada 225 juta pengguna seluruh dunia menggunakan sistem jaringan internet ini untuk pelbagai tujuan. Diantara tujuan penggunaannya adalah seperti berikut:

- Untuk mendapatkan maklumat, berita, membuat kajian, serta untuk mendapatkan bahan-bahan berunsurkan pendidikan.
- Untuk menjalankan urusan perniagaan ataupun urusan perbankan serta transaksi pelaburan.
- Untuk mendapatkan hiburan sampingan seperti permainan game secara online, majalah, dan tak kurang juga mendapatkan idea perancangan percutian.
- Untuk mendapatkan perkhidmatan dan memeli barangan.
- Untuk menjalankan perbincangan dengan pengguna-pengguna internet di seluruh dunia menerusi 'discussion group' ataupun menerusi 'chat rooms'.
- Untuk menjelajah ke komputer lain menerusi komputer anda bagi mendapatkan maklumat.
- Untuk menghantar mesej atau menerima mesej daripada pengguna internet yang lain.
- Untuk memberikan maklumat, gambar, audio, dan juga video.
- Untuk menimba ilmu pengetahuan menerusi bahan-bahan pendidikan.



PKUD	MODUL	INTERNET	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 4/15


PENGGUNAAN WEB BROWSER

Web browser atau peluncur laman web adalah sebuah program khas yang digunakan di dalam sesebuah komputer untuk melayari internet. Terdapat dua web browser yang gemar digunakan pengguna iaitu:

- Internet Explorer
- Netscape Navigator

Apabila pengguna ingin melayari sesebuah laman web yang telah diketahui alamat webnya, pengguna tersebut perlulah memasukkan alamat laman web tersebut di ruangan "Address" di dalam web browser.

Alamat laman web





PKUD	MODUL	INTERNET	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 5/15

Alamat laman web juga dikenali sebagai 'Uniform Resource Locator' atau singkatannya URL. URL mengandungi protocol, nama domain, dan adakalanya ianya juga memaparkan nama bahagian fail yang di paparkan atau lokasinya didalam laman web. Perhatikan contoh di bawah ini:



Berikut merupakan beberapa penggunaan butang-butang pada web browser:

1. <Back>
Digunakan untuk kembali kelaman web yang telah dilayari sebelumnya.
2. <Forward>
Digunakan untuk melayari semula laman web yang telah dilayari ke hadapan.
3. <Stop>
Digunakan untuk membatalkan proses melayari sesebuah laman web.
4. <Refresh>
Digunakan untuk membaharui helaian laman web yang sama dan sedang dilayari.
5. <Home>
Digunakan untuk kembali kelaman web yang telah ditetapkan secara 'default'.
6. <Search>
Untuk memulakan sesuatu pencarian data di internet.
7. <Favorites>
Untuk melayari link-link laman web menarik yang telah ditetapkan.
8. <History>
Untuk merujuk kembali laman-laman web yang telah di layari sebelum ini.



PKUD	MODUL	INTERNET	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 6/15

9. <Mail>

Untuk membaca(menerima) atau menghantar email.

10. <Print>

Untuk mencetak laman web berkenaan.

11. <Edit>

Untuk menyunting atau membuat pengubahsuaian terhadap laman web berkenaan, menggunakan perisian-perisian tertentu atau pembinaan laman web seperti Microsoft FrontPage.

MEMBUAT PENCARIAN MAKLUMAT

Para pengguna internet diseluruh dunia boleh mencari maklumat-maklumat yang ada di dalam internet menerusi 'Enjin Carian' (Search Engine). Ianya membantu pengguna mendapatkan maklumat yang diperlukan dengan cepat dan mudah.

Terdapat pelbagai enjin carian yang boleh digunakan antaranya:

- www.lycos.com
- www.yahoo.com
- www.infoseek.com
- www.exite.com

Untuk membuat carian sesuatu maklumat, para pengguna hanya perlu masuk ke laman web enjin pencari yang berkenaan dan seterusnya memasukkan kata kunci kepada maklumat yang dicari, di tempat yang disediakan dan klik butang <Search>. Apabila butang tersebut di klik, enjin carian akan menjalankan tugasnya mencari segala maklumat yang berkaitan dengan kata kunci yang di masukkan. Hasil carian akan dipaparkan dalam bentuk senarai laman web yang berkaitan dan mempunyai <Link> jika di klik padanya. Lihat contoh yang di lampirkan:



GIATMARA MALAYSIA

PKUD	MODUL	INTERNET	KOD :-
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 7/15

The screenshot displays the Yahoo! homepage in Microsoft Internet Explorer. The browser's title bar reads "Yahoo! - Microsoft Internet Explorer". The address bar contains "http://www.yahoo.com/". The search bar is populated with the text "amalan bulan ramadhan". The page layout includes navigation icons for Finance, Music, Fantasy FB, Mail, My Yahoo!, and Messenger. Below these are search category tabs for Web, Images, Video, Directory, Local, News, and Shopping. A banner for Hurricane Katrina relief efforts is visible, featuring logos for the American Red Cross, Network for Good, and Habitat for Humanity. A "Sign In" section for email is present, along with a "Sign Up" link for free mail. A "Yahoo! Autos" advertisement for a 2005 Acura RSX is shown. The "In the News" section features a headline "Katrina's grim aftermath" with a sub-headline "Flooded region turns towards finding, counting the dead" and a link to "Katrina message boards - Photos". A list of related news items follows, including "New Orleans begins counting its dead", "Funeral plans made for chief justice", "States struggling with Katrina refugees", and "More than 100 killed in Indonesia plane crash". The Windows taskbar at the bottom shows the Start button, several application icons, and the system clock displaying "11:48 PM".

Masukkan kata kunci maklumat yang hendak di cari pada "Search the web"



GIATMARA MALAYSIA

PKUD	MODUL	INTERNET	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 8/15

Yahoo! Search Results for amalan bulan ramadhan - Microsoft Internet Explorer

File Edit View Favorites Tools Help

Address search.yahoo.com/search?p=amalan+bulan+ramadhan&sm=Yahoo%21+Search&fr=FP-tab-web-t&toggle=1&cop=&ei=UTF-8 Go Links

Yahoo! My Yahoo! Mail Welcome, Guest [Sign In] Search Home Help

Web Images Video Directory Local News Shopping

YAHOO! SEARCH amalan bulan ramadhan Search

My Web BETA Subscriptions (New) Shortcuts Advanced Search Preferences

Search Results Results 1 - 10 of about 35,700 for **amalan bulan ramadhan** - 0.04 sec. (About this page)

- [Keutamaan Dan Amalan Bulan Ramadhan](#)
... Keutamaan Dan **Amalan Bulan Ramadhan**. Syaikh Shaduq ra meriwayatkan dari Imam Ridha as dengan ... Penulis berkata, "**Bulan Ramadhan** adalah **bulan** Tuhan semesta alam dan **bulan** yang paling ...
lankarani.com/and/adv/ramazan.html - 378k - [Cached](#) - [More from this site](#) - [Save](#) - [Block](#)
- [Hindar Pembaziran Dalam Bulan Ramadhan](#)
Hindar Pembaziran Dalam **Bulan Ramadhan**. Bagaimana Dengan Merokok? PADA **BULAN RAMADHAN** KALI INI, dengan kedudukan ekonomi negara yang tidak menentu, umat Islam khususnya dapat memanfaatkan syiar **Ramadhan** itu dengan lebih bermakna lagi. ... didoakan pada **bulan Ramadhan** kali ini lebih ramai umat Islam khususnya dapat melaksanakan **amalan** puasa dengan ...
www.pn2.usm.my/mainsite/bulletin/1998/penw18fr.html - 20k - [Cached](#) - [More from this site](#) - [Save](#) - [Block](#)
- [Kelebihan Amalan Di Bulan Ramadhan](#)
Dating Search. Search: Lycos. Tripod. Dating Search. Search: Lycos. Tripod. Dating Search ... Kelebihan Beribadat Di **Bulan** Syawal ...
sedaka.net.tripod.com/linkfad-ramadhan.htm - 53k - [Cached](#) - [More from this site](#)

Start | Yahoo! Search R... | 1 - Paint | 11:49 PM

Senarai laman web yang berkaitan dipaparkan



PKUD	MODUL	INTERNET	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 9/15

Keutamaan Dan Amalan Bulan Ramadhan

Syaikh Shaduq ra meriwayatkan dari Imam Ridha as dengan *sanad mu'tabar*, dari kakek-kakek beliau as, dari Amirul Mukminin as bahwa Rasulullah SAWW berkhotbah pada suatu hari seraya bersabda, "Wahai manusia, sungguh telah datang kepada kalian bulan Allah dengan membawa berkah, rahmat dan ampunan; sebaik-baik bulan di sisi Allah; hari-harinya adalah hari-hari yang paling utama, malam-malamnya adalah malam-malam yang paling utama, dan saat-saatnya adalah saat-saat yang paling utama; sebuah bulan yang kalian telah diundang untuk menghadiri jamuan Allah, dan di bulan ini, kalian telah dijadikan orang-orang yang berhak mendapatkan karunia Allah. Nafas-nafas kalian di dalamnya adalah tasbih, tidur kalian adalah ibadah, setiap amalan kalian diterima, dan doa kalian dikabulkan. Maka, mohonlah kepada Allah, Tuhan kalian dengan niat yang jujur dan kalbu yang bersih agar Ia memberikan taufik kepada kalian untuk menjalankan puasa dan membaca al-Kitab-Nya; karena orang yang celaka adalah orang yang terhalangi dari ampunan Allah pada bulan yang agung ini; ingatlah dengan rasa lapar dan dahaga kalian pada bulan ini rasa lapar dan dahaga hari kiamat, bersedekahlah kepada orang-orang fakir dan miskin kalian, hormatilah orang-orang yang lebih tua dari kalian, kasihanilah anak-anak kecil, sambunglah silaturahmi kalian, jagalah lidah kalian, jagalah mata kalian hingga tidak melihat apa yang dilarang, jagalah telinga kalian hingga tidak mendengarkan apa yang tidak diperbolehkan, berbelas-kasihilah kepada anak-anak yatim agar Allah berbelas-kasih kepada kalian, bertaubatlah kepada-Nya dari dosa-dosa kalian, angkatlah tangan kalian untuk berdoa di waktu-waktu shalat kalian; karena waktu-waktu itu adalah waktu yang paling utama; Allah akan melihat para hamba-Nya pada waktu itu dengan rahmat, menjawab mereka jika bermunajat kepada-Nya, memenuhi (panggilan) mereka jika memanggil-Nya, dan mengabulkan doa mereka jika memohon kepada-Nya.

Laman web berkaitan di buka apabila link di klik



PKUD	MODUL	INTERNET	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 10/15

MEMBUAT PENDAFTARAN EMAIL PERIBADI

Electronic Mail atau lebih dikenali sebagai email, merupakan sebuah kaedah perhubungan melalui internet yang amat popular dan meluas digunakan. Berfungsi untuk menyampaikan mesej seperti yang dijalankan oleh surat secara tradisinya, ianya lebih efisien apabila berkeupayaan menghantar mesej kepada penerima dalam suatu jangkanmasa yang amat singkat, keseluruh dunia. Dengan fungsi-fungsi tambahan yang ada, seperti fungsi fail kepilan (Attachment), ia menjadikan perkhidmatan email ini lebih diminati.

Terdapat dua kategori email yang disediakan di talian internet iaitu email berasaskan web dan email POP3. Email berasaskan web merupakan perkhidmatan email yang disediakan secara percuma oleh syarikat-syarikat tertentu yang berasaskan kepada laman web syarikat berkenaan. Manakala email POP3 merupakan perkhidmatan email yang disediakan kepada mereka yang melanggan perkhidmatan email tersebut menerusi penyedia-penyedia perkhidmatan internet seperti TMNET dan Jaring. Beberapa penyedia email percuma yang popular digunakan adalah seperti berikut:

- Hotmail.com
- YahooMail
- Time.Net

Berikut merupakan langkah-langkah mendaftar perkhidmatan email “Hotmail.com”:

1. Menerusi Internet Explorer masuk kelaman www.hotmail.com .
2. Anda akan dapat melihat paparan seperti di bawah:



GIATMARA MALAYSIA

PKUD	MODUL	INTERNET	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 11/15

3. Klik pada butang <Sign Up> untuk mendaftar akaun email anda.
4. Seterusnya anda akan di paparkan dengan paparan berikut:

Create your e-mail address

Country/Region: Type the name that you want to appear before the @ symbol (for example, **yourname**).

The e-mail address **fairulamir@hotmail.com** is available. [Get help with this section](#)

E-mail address: @hotmail.com

The address can contain only letters, numbers, periods (.), hyphens (-), or underscores (_).

Create your password

Password:

The password must contain at least six characters and is case sensitive.

5. Isikan semua butiran yang diperlukan. Anda perlu klik pada butang <I Accept> di hujung borang tersebut.
6. Sebuah paparan menandakan pendaftaran anda diterima akan dipaparkan.

Hotmail

fairulamir@hotmail.com is ready to go

Welcome, fairul! You can [use your new e-mail address](#) whenever you're ready.

To install these products and features, just click **Continue**.

- MSN Messenger**
Talk online, in real time, with friends and family.
- MSN home page**
Change your home page to the MSN home page. You can get the latest news stories, and check out other free resources on MSN.



GIATMARA MALAYSIA

PKUD	MODUL	INTERNET	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 12/15

7. Klik butang <Continue> untuk meneruskan pendaftaran email anda. Isikan butiran yang selanjutnya yang diperlukan. Pada kebiasaannya di bahagian ini, anda akan ditanya samada anda ingin menerima apa-apa 'news letter' ke dalam "inbox" anda. Sekiranya anda berminat, tandakan pada bahagian-bahagian yang sesuai.

The screenshot shows a registration form with several sections:

- Technology & Mobility**: Includes a checkbox for "Mobile Phone Newsletter" with a description: "MSN Mobile-Everything you ever needed for your mobile phone, ringtones, logo, picture messages and more!".
- Miscellaneous**: Includes checkboxes for Property, Autos, Bargain Center, Coupons, Flowers, Gifts, Local Shopping, Luxury & Designer, and Telecommunications.
- Money & Business**: Includes checkboxes for Small Business, Home Office, Insurance/Financial Services, and Investing/Personal Finance.
- Education**: Includes a checkbox for Seminars, Events.

A "Continue" button is located at the bottom right of the form.

8. Setelah semuanya selesai, bererti anda telah mempunyai sebuah akaun email Hotmail yang baru. Anda hanya perlu masuk ke www.hotmail.com dan memasukkan alamat email dan kata laluan anda di tempat yang disediakan, dan seterusnya klik butang <Sign In>.


The screenshot shows the "Sign In to Hotmail" page. It features a "Help" link in the top right corner. The main form has two input fields: "E-mail address:" with the value "fairulamir@hotmail.com" and "Password:" with a masked password "*****". Below the password field is a link "Forgot your password?". A "Sign In" button is positioned to the right of the password field. At the bottom, there are three radio button options: "Save my e-mail address and password", "Save my e-mail address" (which is selected), and "Always ask for my e-mail address and password". Below these options is a link "Sign in using enhanced security". At the very bottom, there is a "Microsoft Passport Network" logo and text: "Account Services | Privacy Statement | Terms of Use" and "© 2005 Microsoft Corporation. All rights reserved."



PKUD	MODUL	INTERNET	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 13/15

MEMERIKSA INBOX


1. Setelah anda daftar dan <Sign In> klik pada tab <Mail> anda akan dipaparkan dengan paparan seperti berikut:



2. Di bahagian tengah paparan tersebut (berdasarkan contoh di atas), terdapat dua email yang diterima iaitu daripada Hotmail Staff dan juga pgmbp@tm.net.my. Klik pada mana-mana link email tersebut untuk melihat kandungan email.

MENGHANTAR EMAIL

1. Klik <New> dan anda akan dipaparkan dengan paparan seperti berikut:




2. Isikan alamat email penerima di ruangan <To>, perkara di <Subject> dan mesej anda di kotak yang disediakan.
3. Klik <Send> untuk menghantar email anda.




PKUD	MODUL	INTERNET	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 14/15

MENGHANTAR FAIL KEPILAN

1. Klik <Attach> dan pilih jenis fail kepilan yang hendak dihantar.




2. Klik <Browse> bagi memilih fail kepilan yang berada di komputer anda.



3. Klik <OK> untuk menamatkan arahan kepilan atau <OK and Attach Another> untuk menambah fail kepilan anda.
4. Sekiranya proses kepilan fail anda tidak bermasalah, anda akan dapat melihat paparan seperti berikut:




PKUD	MODUL	INTERNET	KOD : -
	ELEMEN	-	MUKA SURAT 15/15




MEMADAM MESEJ

1. Pilih pada mesej email yang hendak di padam di inbox anda.
2. Klik <Delete>.



3. Klik <OK> pada paparan seterusnya.





GIATMARA MALAYSIA